



28 Februari 2014
28 February 2014
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2014

STRATEGIC TRADE (STRATEGIC ITEMS) (AMENDMENT) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) (Pindaan) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2014.

Pindaan Jadual

2. Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 [P.U. (A) 485/2010] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL
[Perenggan 3]

BARANG STRATEGIK

SENARAI BARANG KETENTERAAN

Kod Kategori	Keterangan Barang	Nota	Pihak Berkuasa Berkenaan
SENARAI BARANG KETENTERAAN		<p><u>Nota 1:</u> Terma dalam “tanda petikan” adalah terma yang didefinisikan. Rujuk ‘Definisi Terma’ yang dlampirkan kepada Senarai ini.</p> <p><u>Nota 2:</u> Sebagai sebahagian contoh, bahan kimia disenaraikan mengikut nama dan nombor CAS. Senarai adalah terpakai kepada formula struktur (termasuk hidrat) sama ada berdasarkan nama kimia atau nombor CAS. Nombor CAS dimasukkan bagi membantu mengenal pasti bahan kimia atau campuran tertentu, tanpa mengira tatanamanya. Nombor CAS tidak boleh digunakan sebagai pengenalan unik kerana sesetengah bentuk bahan kimia yang disenaraikan mempunyai nombor CAS yang berbeza, dan campuran-campuran bahan kimia yang disenaraikan mungkin mengandungi nombor CAS yang berbeza.</p>	
ML1	<p>Senjata laras licin dengan kaliber kurang daripada 20 mm, senjata lain dan senjata automatik dengan kaliber 12.7 mm (kaliber 0.50 inci) atau kurang dan aksesori, seperti berikut, dan komponennya yang direka khusus;</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Raifel, karbin, revolver, pistol, pistol mesin dan mesin-gan; b. Senjata laras licin, seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> 1. Senjata laras licin yang direka khusus bagi tujuan ketenteraan; 2. Senjata laras licin yang lain, seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Jenis automatik sepenuhnya; 	<p><u>Nota:</u> ML 1.a. tidak terpakai kepada yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Senapang musket, raifel dan karbin yang dibuat lebih awal daripada tahun 1938; b. Pembuatan semua senapang musket, raifel dan karbin yang mana senjata asalnya dibuat lebih awal daripada tahun 1890; 	Pengawal

Kod Kategori	Keterangan Barang	Nota	Pihak Berkuasa Berkenaan
	<ul style="list-style-type: none"> b. Jenis separa automatik atau tindakan pam; c. Senjata yang menggunakan amunisi tanpa kelongsong; d. Alat penyenyap, cagak senjata api khas, klip, penglihatan senjata dan penindas pancaran untuk senjata yang dikawal oleh ML1.a., ML1.b. atau ML1.c. 	<p>c. Revolver, pistol dan mesin-gan yang dibuat lebih awal daripada tahun 1890, dan pembuatan semula;</p> <p><u>Nota 1:</u> ML1 tidak terpakai kepada senjata laras licin yang digunakan bagi tujuan perburuan atau kesukanan. Senjata ini hendaklah tidak direka khusus bagi tujuan ketenteraan atau dari jenis tembakan automatik sepenuhnya.</p> <p><u>Nota 2:</u> ML1 tidak terpakai kepada senjata api yang direka khusus bagi peluru semu dan yang tidak mempunyai keupayaan tembakan seperti yang dijelaskan oleh ML3.</p> <p><u>Nota 3:</u> ML1 tidak terpakai kepada senjata yang yang tidak menggunakan kelongsong peluru tidak berpusat dan bukan dari jenis tembakan automatik sepenuhnya.</p> <p><u>Nota 4:</u> ML1.d. tidak terpakai untuk pejera optik senjata tanpa pemprosesan imej elektronik, dengan pembesaran 4 kali atau kurang, dengan syarat ia tidak direka khas atau diubah suai untuk kegunaan ketenteraan.</p>	
ML2	<p>Senjata laras licin dengan kaliber 20 mm atau lebih, senjata lain atau persenjataan dengan kaliber lebih besar daripada 12.7 mm (kaliber 0-50 inci), projektor dan aksesori, seperti berikut, dan komponennya yang direka khusus:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Senapang, meriam katak, meriam, mortar, senjata anti-kereta kebal, pelancar peluncur, pelontar api 	<p><u>Nota 1:</u> ML2.a. termasuk pemancit, peranti permeteran, tangki simpanan dan</p>	Pengawal

Kod Kategori	Keterangan Barang	Nota	Pihak Berkuasa Berkenaan
	<p>tentera, raifel, raifel tanpa sentakan, senjata laras licin dan peranti pengurang pengenalannya;</p> <p>b.</p> <p>c. Asap, gas dan projektor atau penjana piroteknik, direka bentuk khusus atau diubah suai untuk kegunaan ketenteraan.</p> <p>c. Pejera senjata dan tapak pejera senjata, mempunyai kesemua yang berikut:</p>	<p><i>komponen lain yang direka khusus untuk digunakan dengan cas rejang cecair bagi mana-mana perkakas yang ditetapkan oleh ML2.a.</i></p> <p><u>Nota 2:</u> ML2.a. tidak terpakai kepada senjata seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Senapang musket, raifel dan karbin yang dibuat lebih awal daripada tahun 1938;</i> b. <i>Pembuatan semula senapang musket, raifel dan karbin yang mana senjata asalnya dibuat lebih awal daripada tahun 1890.</i> c. <i>Senapang, meriam katak, meriam, mortar, yang dibuat lebih awal daripada tahun 1890.</i> <p><u>Nota 3:</u> ML2.a. tidak terpakai kepada peluncur pelancar pegangan tangan yang direka khusus bagi melancarkan peluncur yang ditambat tanpa caj bahan letupan kuat atau jaringan komunikasi, kepada jarak kurang daripada atau bersamaan dengan 500 m.</p> <p><u>Nota:</u> ML2.b. tidak terpakai kepada pistol isyarat.</p>	